

SUK.D200(06)600/9/Jld 18 (25)



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 1 TAHUN 2024

**BAYARAN INSENTIF AWAL (BIA)
KAJIAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)
KEPADA PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN TAHUN 2024**

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini adalah bertujuan untuk menjelaskan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan mengenai **Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Tahun 2024**.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri Kelantan bersetuju membuat keputusan mengenai Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Tahun 2024 dibayar kepada Penjawat Awam Negeri Kelantan sebanyak RM2,000.00 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai lantikan *Contract Of Service (COS)*, Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), *Contract For Service (CFS)*, berelaun dan sambilan.
- 2.2 Di samping itu, bayaran insentif awal ini juga dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Gred Jawatan Utama/ Khas sebanyak RM1,000.00.
- 2.3 Bayaran Insentif awal ini turut dipanjangkan kepada Personel MySTEP yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan pada Tahun 2023.

3. PEGAWAI YANG LAYAK

3.1 Bayaran **LAYAK** diberikan kepada:

- (i) pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 22 Februari 2024 termasuklah;
 - (a) pegawai lantikan tetap, sementara, *Contract Of Service (COS)*, Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), *Contract For Service (CFS)* , berelaun dan sambilan;
 - (b) pegawai yang bercuti bergaji penuh;
 - (c) pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - (d) pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
 - (e) pegawai yang dipinjamkan/ ditukar sementara termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya di mana BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini akan dibayar oleh agensi peminjam.
- (ii) Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Gred Jawatan Utama/ Khas (termasuk yang sedang memangku/ETB/penempatan khas) sebanyak RM1,000.00 yang masih berkhidmat pada 22 Februari 2024.

3.2 Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 22 Februari 2024 di Jabatan Negeri yang mengisi waran perjawatan Negeri.

3.3 BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini turut dipanjangkan kepada Personel MySTEP yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan pada Tahun 2023 dan masih berkhidmat pada 15 Februari 2024;

- 3.4 Manakala, pegawai lantikan politik adalah termasuk:
- Ahli- Ahli Majlis;
 - Penghulu (Mukim dan Tanpa Mukim Parlimen/Dun);
 - Halaqat (Ketua Pengelola, Timbalan Ketua Pengelola dan Pembantu Halaqat);
 - Penyelaras ICT Dun;
 - Penyelaras Pembangunan Armalah DUN;
 - Guru Pondok (Mudir, Penolong Mudir & Guru Biasa);
 - Guru Al-Quran, Guru Fardu Ain;
 - Guru Jahitan (Mudaribbah); dan
 - Penyelia Dan Petugas Pertubuhan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
- 3.5 Pesara Perkhidmatan Awam Negeri dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara, *Contract Of Service (COS)*, Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), *Contract For Service (CFS)*, berelaun dan sambilan dan masih berkhidmat pada 22 Februari 2024 layak dibayar sebanyak RM2,000.00. Walau bagaimanapun pembayaran sebanyak RM1,000.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/ Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya sebanyak RM1,000.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.
- 3.6 Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 22 Februari 2024 layak diberi BIA Kajian SSPA Tahun 2024 sebanyak RM2,000.00.

4. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

- 4.1 Bayaran **TIDAK LAYAK** diberikan kepada;
- pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja atau turun pangkat dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 22 Februari 2024;

- (ii) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 22 Februari 2024;
- (iii) pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2024 hingga 22 Februari 2024; dan

4.2 Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) akan ditanggungkan BIA Kajian SSPA Tahun 2024 ini. Pegawai hanya layak dibayar BIA Kajian SSPA Tahun 2024 setelah dibebaskan daripada pertuduhan tatatertib atau dikenakan hukuman selain buang kerja atau diturunkan pangkat oleh PBTT yang berkenaan.

5. PELAKSANAAN PEMBAYARAN

Pegawai yang layak sebagaimana di para 3 akan dibayar mengikut kadar berikut:-

BIL	KATEGORI PEGAWAI	JUMLAH (RM)
1.	Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 22 Februari 2024 adalah merupakan: a. pegawai lantikan tetap, sementara, <i>Contract Of Service (COS)</i>, Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), <i>Contract For Service (CFS)</i>, berelaun dan sambilan; b. pegawai yang bercuti bergaji penuh; c. pegawai yang bercuti separuh gaji; d. pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan	2,000.00

BIL	KATEGORI PEGAWAI	JUMLAH (RM)
	e. pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bayaran tersebut akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.	
2.	Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Gred Jawatan Utama/ Khas (termasuk yang sedang memangku/ETB/penempatan khas) yang masih berkhidmat pada 22 Februari 2024.	1,000.00
3.	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 22 Februari 2024 di Jabatan Negeri yang mengisi waran perjawatan Negeri.	2,000.00
4.	Personel MySTEP yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan pada Tahun 2023 dan masih berkhidmat pada 15 Februari 2024.	2,000.00
5.	Pegawai Lantikan Politik adalah termasuk: a. Ahli- Ahli Majlis; b. Penghulu (Mukim Dan Tanpa Mukim Parlimen/DUN); c. Halaqat (Ketua Pengelola, Timbalan Ketua Pengelola I & II);	1,000.00
	d. Pembantu Halaqat; e. Penyelaras ICT DUN; f. Penyelaras Pembangunan Armalah DUN; dan g. Guru Pondok (Mudir, Penolong Mudir & Guru Biasa) h. Guru Al-Quran dan Guru Fardu Ain i. Guru Jahitan (Mudarrabah) Pusat Pembangunan Wanita	500.00

BIL	KATEGORI PEGAWAI	JUMLAH (RM)
	j. Penyelia Dan Petugas Pertubuhan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)	
6.	Pesara Perkhidmatan Awam Negeri dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara, <i>Contract Of Service (COS)</i> , Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), <i>Contract For Service (CFS)</i> , berelaun dan sambilan dan masih berkhidmat pada 22 Februari 2024	2,000.00 (RM1,000.00 akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam)
7.	Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 22 Februari 2024	2,000.00

6. TARIKH PEMBAYARAN

BIA Kajian SSPA Tahun 2024 Negeri Kelantan Tahun 2024 ini akan dibayar mulai pada **22 Februari 2024**.

7. TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **tarikh Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini dikeluarkan**.

8. PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Badan Berkanun Negeri.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT”



HAJI AB.PATTAH BIN HASBULLAH
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Bertarikh : 18 Syaaban 1445H
28 Februari 2024

SENARAI EDARAN :

- Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- Semua Badan Berkanun Negeri
- Semua Ketua Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan